



## **KENYATAAN MEDIA**

**MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**YB DATO SRI DR HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR**

**KESAHIHAN MAKLUMAT MENGENAI INISIATIF REDD+**

**15 FEBRUARI 2017**

---

Pelaksanaan *Reducing Emissions from Deforestation and Degradation and the Role of Conservation, Sustainable Management of Forests and Enhancement of Forest Carbon Stocks in Developing Countries* (REDD+) adalah seperti yang dipersetujui di bawah United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC) dan bukanlah seperti yang dilaporkan di media tempatan baru-baru ini.

*Reducing emissions from deforestation and forest degradation* (REDD) telah dipersetujui di peringkat UNFCCC pada tahun 2007. Skop aktiviti REDD telah diperkembangkan untuk mengambil kira fungsi hutan sebagai penyerap karbon melalui mekanisme REDD+ pada tahun 2009 semasa Persidangan Negara Parti Ke-15 di Copenhagen, Denmark. REDD merangkumi aktiviti-aktiviti penyahhutanan dan kemerosotan hutan. Manakala REDD+ pula, merangkumi aktiviti penyahhutanan, kemerosotan hutan, pemuliharaan hutan, pengurusan hutan secara berkekalan dan peningkatan stok karbon dalam hutan.

UN-REDD Programme pula adalah program kerjasama di antara FAO, UNDP dan UNEP. Program ini dibangunkan pada tahun 2008 untuk pembangunan kapasiti dan sokongan kepada negara membangun dalam pelaksanaan aktiviti REDD+.

Laporan media yang menyatakan bahawa satu perjanjian telah ditandatangani antara sebuah kerajaan negeri dan syarikat swasta berhubung inisiatif REDD baru-baru ini tidak memenuhi syarat UNFCCC serta bercanggah dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pertubuhan dunia tersebut.

Mekanisme REDD+ dilaksanakan di peringkat kebangsaan (*national level*). Perancangan dan pelaksanaan REDD+ dipantau oleh Jawatankuasa Kebangsaan REDD+ (JKK REDD dengan dianggotai oleh wakil dari Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Jabatan Perhutanan Negeri. JKK REDD+ dibantu oleh Jawatankuasa Teknikal REDD+ (JKT REDD+). Mekanisme ini adalah berasaskan prinsip pembiayaan bagi jumlah pengurangan pelepasan gas rumah kaca (*results-based payments*) dan tidak melibatkan mekanisme pasaran (*market mechanism*).

Malaysia telah memulakan pelaksanaan REDD+ dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan secara berperingkat-peringkat seperti berikut:

- a. Mengemukakan laporan aras rujukan (*reference level*) untuk aktiviti pengurusan hutan secara lestari (*sustainable forest management – SFM*) pada tahun 2014. Laporan ini telah dinilai oleh pakar UNFCCC;
- b. Mengemukakan cadangan pelaksanaan fasa pertama REDD+ negara kepada UNFCCC sebagai *Technical Annex* kepada laporan *Biennial Update Report* (BUR); dan
- c. Mengemukakan laporan *REDD+ Safeguards Information System* (REDD+ SIS) kepada UNFCCC pada tahun 2016.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) juga sedang berusaha untuk mendapatkan pembiayaan *Results-Based Payments* (RBP) melalui dana *Green Climate Fund* (GCF). Dana RBP ini akan digunakan oleh Kerajaan Pusat dan Negeri untuk pelaksanaan program REDD+.

Saya ingin menegaskan disini bahawa inisiatif REDD+ merupakan inisiatif yang diiktiraf sepenuhnya oleh UNFCCC dan amat berharap agar ianya tidak terjejas disebabkan aktiviti-aktiviti yang tidak beretika oleh sesetengah individu yang tidak bertanggungjawab. Sehubungan itu, semua kerajaan negeri digesa untuk mendapatkan keterangan lanjut mengenai inisiatif REDD+ daripada agensi kerajaan yang bertanggungjawab iaitu Bahagian Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) di talian 03-88861140 atau melalui emel di [aduannre@nre.gov.my](mailto:aduannre@nre.gov.my) bagi memastikan kesahihan maklumat mengenai inisiatif REDD+.